

EDISI 5 | SEPTEMBER - OKTOBER 2024

KKTM SRI GADING

BULETIN IVORY

MAJLIS PELANCARAN
Sambutan Bulan
KAUNSELING MARA
TEKAD EMPA

Dikemukakan oleh
YBhg. Dato' Sri Azhar bin Abdul Manaf
Ketua Menteri MARA

Tarikh : 27/09/2024 | 27-Rabikulawal 1446H (Selasa)

PRS KKTM SG CEMERLANG

Raih Anugerah Dalam
INSTITUSI PENDIDIKAN
MARA 2024



PROGRAM JALINAN KASIH
MAHASISWA/SISWI
BERSAMA MASYARAKAT
DAN GOTONG ROYONG
PERDANA BERSAMA DUN SRI
MEDAN



PROGRAM PENJELAJAHAN
LASAK
ARPRM KKTM SRI GADING



BIM REVOLUTION :
UNLOCKING TOMORROW'S
CAREER PATH



**PERLAWANAN PERSAHABATAN SUKAN
DIANTARA KKTMSG X IKMJB SEMPENA
SPEKMA XII 2024**



**PROGRAM JAKOA PANTAS KKT M SRI
GADING 2024 (PERINGKAT PERAK)**



PENGURUSI

Puan Nor Ain binti Abas

SETIAUSAHA

Puan Norazlina binti Mohamed



AHLI

Ts. Aidatul Salwani binti Jamaluddin

Puan Azima binti Sapuan

Puan Nurul Ashikin binti Abu Bakar

Puan Suhaya binti Sukemi

Puan Siti Nazirah binti Abdul Rahman

Ts Zahtuliffa binti Tusimin

EDITOR EDISI 5/2024

Puan Suhaya binti Sukemi

Puan Siti Nazirah binti Abdul Rahman

Sekalung

Tahniah

kepada
penerima **ANUGERAH
PEKERJA TERBAIK
BULANAN**



Julai



Ts. LELASARI BIN ALI

Ketua Program
Jabatan Jalanraya dan Pengangkutan (DTH)



MURNI BINTI MARTHININ

Pembantu Tadbir Kanan

Ogos



MOHAMAD FAZIL BIN JAMALUDDIN

Pegawai Latihan Vokasional
Jabatan Pemodelan Maklumat Bangunan
(DTV)



MOHD KHAIRUDDIN BIN ABD MAJID

Guru MARA
Jabatan Pengajian Am



ROS ANIDA BINTI DAUD

Pembantu Tadbir
(Kewangan)



NORLIEZULAINA BINTI SHAFAAAT

Pembantu Tadbir
(Stor Utama)

PROGRAM JALINAN KASIH MAHASISWA/SISWI BERSAMA MASYARAKAT DAN GOTONG ROYONG PERDANA

CSR
KKTMSG

KHAMIS
05/09/2024



Pada 5 September 2024, Satu Program Jalinan Kasih Mahasiswa / siswi Bersama Masyarakat dan Gotong Royong Perdana telah dianjurkan dengan jayanya oleh Pusat Khidmat DUN Sri Medan dengan kerjasama Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading, SK Sejagong, JPKK Sejagong Sg Kepoh, serta Persatuan Belia Cintai Alam Parit Sulong. Program ini berlangsung di SK Sejagong, Sejagong SG Kepoh dari pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, Ahli Dewan Undangan Negeri Johor Kawasan Sri Medan.



Seramai 30 peserta yang terdiri daripada mahasiswa, mahasiswi dan pensyarah KKTMS Sri Gading berganding bahu bersama masyarakat setempat bagi menjayakan aktiviti yang dirancang. Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah membersihkan kawasan rumah warga emas yang uzur, menggantikan karpet di bilik ICT SK Sejagong serta membantu pendawaian elektrik yang rosak di Dewan Sejagong Sg Kepoh.



YB Dato' Zulkurnain dalam ucapannya memuji usaha kerjasama antara generasi muda dan masyarakat dalam menjayakan program ini. Beliau juga menekankan pentingnya semangat gotong royong untuk memperkuuh perpaduan serta meningkatkan kebajikan masyarakat.

Program ini berakhir dengan sesi jamuan tengah hari dan sesi bergambar kenangan. Kejayaan program ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen bersama dalam memupuk semangat kekitaan dan membantu golongan yang memerlukan.

PERLAWANAN PERSAHABATAN SUKAN DI ANTARA KKTMSG X IKMJB SEMPENA SPEKMA XII 2024



- Batu Pahat, 3 September 2024 – KKTMSG Sri Gading (KKTMSG) dan Institut Kemahiran Mara Johor Bahru (IKMJB) telah menganjurkan perlwanan persahabatan melibatkan sukan bola tampar, badminton, sepak takraw dan dart.



PERSIAPAN

Program ini bertujuan mempersiapkan atlet bagi Temasya SPEKMA XII 2024 yang akan berlangsung di KKTM Kemaman. Perlwanan berlangsung di Dewan Darul Takzim dan Gelanggang Bola Tampar dari jam 3.00 hingga 6.00 petang.



Aktiviti ini berjaya mengukuhkan semangat kesukanan dan persahabatan antara kedua-dua institusi. Semua peserta menunjukkan komitmen tinggi, mencerminkan persediaan rapi menghadapi temasya akan datang.

Semoga dengan semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh semua atlet kedua-dua pusat MARA ini menjadi pemangkin untuk mereka melakar kejayaan pada temasya sukan tersebut. Semoga kemenangan milik mereka!

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN KKTM SRI GADING KE SPEKMA 2024



EDISI 5

10 September, 2024



"Semangat, Kesatuan, dan Keunggulan!"

Pada 28 Februari 2024, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMSG) Sri Gading dengan bangganya mengadakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen KKTMSG ke SPEKMA 2024, sebagai simbolik rasmi pelepasan atlet-atlet kolej untuk menyertai Sukan Institusi Pendidikan MARA (SPEKMA) edisi ke-12.

Majlis yang penuh bermakna ini disempurnakan oleh Pengarah KKTMSG Sri Gading, Tuan Haji Azman bin Ali yang menyerahkan bendera kontinjen kepada Ketua Kontinjen sebagai lambang semangat juang dan kesatuan pasukan. Dalam ucapan tersebut beliau menekankan pentingnya nilai kesukuan, disiplin, dan semangat bersatu padu dalam mencapai kejayaan.



Seramai 50 atlet dari pelbagai sukan seperti bola sepak, badminton, bola jaring, dan e-sukan akan membawa nama KKTMSG ke peringkat nasional. Kontinjen ini turut diiringi oleh jurulatih dan pegawai pengiring yang komited memastikan persediaan fizikal dan mental atlet berada pada tahap terbaik.

Majlis turut diserikan dengan sesi penyampaian amanat oleh wakil pelajar serta gimik perlepasan yang menyuntik semangat kepada para atlet. Sorakan daripada warga kolej menambah kemeriah dan membakar semangat juang atlet untuk mengharumkan nama KKTMSG di SPEKMA 2024.

Diharapkan kontinjen KKTMSG dapat membawa pulang kejayaan cemerlang sambil menjunjung nilai-nilai kesukuan dan persahabatan. Ayuh berjuang, wira dan wirawati KKTMSG!

#SPEKMA2024
#KKTMSGHebat
#SemangatKesukuan
#Kitajuara

MINGGU ASPIRASI PELAJAR SESI JUL-DIS 2024



Sri Gading, 6 – 10 September 2024

Telah berlangsungnya minggu aspirasi pelajar selama 5 hari bagi pelajar membuat pelbagai aktiviti yang luar dari kelas. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan yang dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KKTm Sri Gading. Terdapat juga karnival jualan dari pelajar semester 4 yang di anjurkan oleh Unit Usahawan.

AKTIVITI SUKAN DAN SEKRETARIAT AMAR

Hari pertama, aktiviti sukan telah diadakan kepada pelajar-pelajar. Antara jenis sukan yang di adakan ialah sukan olahraga, bola jaring, bola baling, ping pong, badminton, dart dan takraw. Selain itu, Pelajar Rakan Sebaya (PRS) juga telah menjalankan program *Self love and confidence* anjuran Unit Kaunseling.

Hari kedua, masih berlangsung aktiviti sukan pelajar-pelajar. Terdapat juga program Kembara Pancing anjuran Kelab Kembara dan program AMAR untuk pelajar semester 2 anjuran Sekretariat Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR).



Antara aktiviti sukan pelajar pada minggu Aspirasi KKTm Sri Gading sesi Julai – Disember 2024

○ ○ ○

MINGGU ASPIRASI PELAJAR KKTMSG SRI GADING



AKTIVITI HARI KE - 3

Terdapat program *Career Talk by UniKL*, aktiviti sukan tarik tali, dodgeball, pertandingan mobile legend. Selain itu, di adakan "Bengkel Visual It!" anjuran Unit Matematik dan program *Fuzzy Multicriteria Decision Making* anjuran Unit Kaunseling. Pada waktu malam pula, berlangsungnya Koir Suara Merdeka anjuran Unit Pengajian Malaysia.



AKTIVITI HARI KE - 4

Hari keempat, aktiviti sukan masih berlangsung antaranya sukan ragbi, futsal, catur dan *mobile legend*. Program lain adalah program dari HELWA, program seminar bijak mengurus wang dan talk *kick-boxing* yang di adakan di Dewan Darul Takzim serta dihadiri oleh staf KKTMSG Sri Gading juga. Pertandingan debat dan program *movie time* diadakan pada sebelah malam.



MAJLIS PENUTUP

Hari terakhir, Sepanjang minggu aspirasi berlangsungnya aktiviti pelajar ini, pelajar dapat senamrobik dan sukaneka di Astaka. Majlis penutup diadakan di Dewan Darul Takzim.

BENGKEL VISUALIZE IT!

MEMBUKA PINTU KREATIVITI PELAJAR DALAM DUNIA INFOGRAFIK



Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan mendalam kepada pelajar tentang konsep dan kepentingan infografik dalam penyampaian maklumat secara visual. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai teknik asas dalam membuat infografik menggunakan aplikasi seperti Canva, serta menyediakan pelajar dengan kemahiran untuk menyusun maklumat secara efektif dan menarik.

"Infografik bukan sahaja memperindah paparan maklumat, tetapi juga memudahkan pemahaman tentang topik yang kompleks. Melalui bengkel ini, kami berharap pelajar dapat menguasai alat yang boleh meningkatkan kualiti pembentangan mereka," kata penceramah utama bengkel ini.

Pendahuluan

Sri Gading, 8 September 2024 – Bertempat di Dewan Teater A, satu bengkel yang penuh berinformasi dan memberi impak besar, Bengkel Visualize It!, telah berjaya dilaksanakan pada 8 September 2024. Bengkel ini diadakan untuk semua pelajar yang mengambil kursus DUM10122 (*Engineering Mathematics 1*) sesi JD2024, dengan tujuan untuk memperkenalkan dan mengasah kemahiran mereka dalam mencipta infografik yang efektif dan menarik.



Antara aktiviti utama bengkel ini adalah:

1. Teknik Asas Membuat Infografik Menggunakan Aplikasi Canva

- Mind Mapping: Pelajar diajar cara untuk menggambarkan hubungan antara konsep secara visual menggunakan pemetaan minda.
- Graphic Image: Teknik untuk menghasilkan gambar grafik yang menarik untuk memperkuatkan mesej yang ingin disampaikan.

2. Pengenalan kepada Penggunaan Aplikasi AI: Bengkel ini turut memperkenalkan pelajar kepada penggunaan alat berbasis kecerdasan buatan (AI) dalam menghasilkan infografik yang lebih profesional dan menarik.

Dengan fokus pada pengembangan kreativiti pelajar, bengkel ini menyediakan platform yang menggalakkan peserta untuk berfikir di luar kotak dan menerapkan teknik-teknik yang dipelajari dalam kerja kursus dan projek masa depan mereka.

BENGKEL VISUALIZE IT!

Pembentangan

Pelajar didedahkan kepada proses menyusun dan menyampaikan maklumat secara lebih visual, yang bukan sahaja memudahkan penerimaan, tetapi juga membuat pembentangan lebih menarik dan berkesan. Melalui teknik yang dipelajari, peserta dapat mengaplikasikan elemen-elemen visual seperti warna, gambar, dan teks dengan cara yang lebih teratur dan sistematis.



08 08:53
a, Malaysia



Penghargaan

Tahniah kepada semua peserta atas komitmen dan semangat yang ditunjukkan sepanjang bengkel ini. Dengan kemahiran baru yang diperoleh, pelajar kini lebih bersedia untuk mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dalam kursus mereka dengan cara yang lebih visual dan berkesan!



Bengkel Visualize It! telah memberi peluang kepada para pelajar untuk mengasah kemahiran teknologi dan kreativiti mereka, memberikan mereka kelebihan dalam menghasilkan pembentangan yang lebih menarik dan penuh maklumat.

KKTM SRI GADING RAIKAN PENERIMA ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULAN JULAI DAN OGOS 2024

Sri Gading – Pihak Jawatankuasa Kecemerlangan Organisasi KKTM Sri Gading dengan penuh rasa bangga telah mengumumkan nama-nama penerima Anugerah Pekerja Terbaik bagi bulan Julai dan Ogos 2024, sebagai penghargaan atas kecemerlangan, dedikasi, dan komitmen tinggi mereka dalam melaksanakan tanggungjawab.

Anugerah ini adalah salah satu inisiatif KKTM Sri Gading untuk menghargai usaha dan pencapaian kakitangan, sekali gus menjadi inspirasi kepada seluruh warga kolej untuk terus memberikan prestasi terbaik.

Penerima Anugerah Bulan Julai

2024:

- Ts. Lelasari binti Ali – Ketua Program DTH
- Pn. Murni binti Marthinin – Pembantu Tadbir Kanan

Pentadbiran



Program DTH



Ts. LELASARI BIN ALI
Ketua Program
Jabatan Jalanraya dan Pengangkutan (DTH)

MURNI BINTI MARTHININ
Pembantu Tadbir Kanan

MOHAMAD FAZIL BIN JAMALUDDIN
Pegawai Latihan Vokasional
Jabatan Pemodelan Maklumat Bangunan (DTV)

MOHD KHAIRUDDIN BIN ABD MAJID
Guru MARA
Jabatan Pengajian Am

ROS ANIDA BINTI DAUD
Pembantu Tadbir (Kewangan)

NORLIEZULAINA BINTI SHAFAT
Pembantu Tadbir (Stor Utama)

MENGINSPIRASI KECEMERLANGAN

Kejayaan ini melambangkan pencapaian cemerlang mereka dalam menjalankan tugas, memberikan impak positif kepada warga kolej, serta menyumbang kepada pengukuhan budaya kerja berprestasi tinggi di KKTM Sri Gading.

PENERIMA ANUGERAH BULAN OGOS 2024:

- En. Mohamad Fazil bin Jamaluddin – Pegawai Latihan Vokasional (Program DTV)
- En. Mohd Khairuddin bin Abd Majid – Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Jabatan Pengajian Am)
- Pn. Ros Anida binti Daud – Pembantu Tadbir P/O
- Pn. Norliezulaina binti Shafaat – Pembantu Tadbir (Stor)



Program DTV

Tahniah diucapkan kepada semua penerima atas pengiktirafan ini. Semoga pencapaian mereka menjadi inspirasi untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan di masa hadapan. KKTm Sri Gading berbangga dengan kejayaan anda semua!

PENERIMA PEKERJA TERBAIK BULANAN



Pengajian Am



Pentadbiran



Pentadbiran

BULETIN KKTMSG


DTV IVORY PODCAST

BIM REVOLUTION: UNLOCKING TOMORROW'S CAREER PATH

Satu lagi pendekatan inovatif melibatkan pelajar dan alumni KKTMSG Sri Gading, khususnya daripada Program DTV.

Program ini memperkenalkan platform Podcast yang bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang cara menghadapi cabaran kerjaya dalam bidang Building Information Modelling (BIM).

Melalui program ini, panel jemputan terdiri daripada alumni KKTMSG Sri Gading yang kini aktif dalam bidang BIM. Mereka berkongsi cerita kejayaan dan strategi untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi terkini.



PANEL

- Panel 1:**
Puan Azra Fakhiera binti Samsuddin
CIDB E-Construct
- Panel 2:**
Encik Mohamad Shahrol Ramdan bin Mohamad
(Alumni KKTMSG)
BIM Crew Resources
- Panel 3:**
Cik Noratiqah Maulat Harun (Alumni KKTMSG)
Geodelta System

DTV PODCAST



Hos Pelajar kanan DTV Semester 5 :

- Nuralia Athirah binti Karjo
- Danish Arif bin Zainal Ariffin



Inisiatif ini diharap dapat memberi inspirasi kepada pelajar untuk terus maju dan bersedia menghadapi perubahan industri masa depan.

#BIM
#lifeekktmsg



OBJEKTIF :

- Meningkatkan Kesedaran Mengenai BIM (Building Information Modeling)
- Memperkenalkan Peluang Kerjaya Masa Depan
- Menyediakan Wawasan Tentang Trend Industri
- Memupuk Kemahiran Abad ke-21
- Menghubungkan Profesional dan Pelajar
- Menggalakkan Inovasi dan Kreativiti
- Meningkatkan Daya Saing Graduan



TAKLIMAT KERJAYA & TEMUDUGA OLEH BIM CREW RESOURCES

September, 2024



BIM Crew Resources

Tanggal 25 dan 26 September 2024, pihak syarikat BIM Crew Resources telah mengadakan sesi taklimat kerjaya dan temuduga bagi pelajar-pelajar DTV. Antara panel-panel dari syarikat BIM Crew Resources terdiri dari Encik Muizzudin bin Jambari (Pengurus Operasi) dan Encik Amin bin Abas @ Azrizan (BIM Coordinator)



Sesi temuduga

Sesi temuduga kali ini melibatkan 34 orang pelajar semester 5 dan 6 yang akan menjalani latihan industri sesi Jan-Jun 2025. Untuk pengetahuan, beberapa orang alumni dari program DTV KKT M Sri Gading pernah menjalani LI dan mendapat peluang pekerjaan bersama syarikat ini. Ini menunjukkan keboleh pasaran pelajar KKT M Sri Gading khususnya sangat tinggi dalam bidang BIM.

Objektif Program

1. Memberi pendedahan tentang peluang kerjaya dalam industri BIM.
2. Membimbing peserta memahami keperluan dan trend terkini dalam pasaran pekerjaan.
3. Memberi peluang kepada peserta untuk menghadiri temu duga terus bersama BIM Crew Resources.



TAKLIMAT KERJAYA PROGRAM DTV



Microphone icon **Kandungan Program**

- **Sesi 1: Taklimat Kerjaya BIM**

- Pengenalan kepada BIM Crew Resources dan industri BIM.
- Peluang kerjaya yang tersedia dan keperluan kemahiran dalam pasaran semasa.

Sesi 2: Bengkel Persediaan Kerjaya

- Tips dan panduan menyediakan resume yang menarik.
- Teknik temuduga yang efektif.

Sesi 3: Temuduga Terbuka

- Peluang untuk peserta menghadiri temuduga terus bersama panel daripada BIM Crew Resources.



Penghargaan

Terima kasih kepada pihak syarikat BIM Crew Resources yang memberi peluang dan ruang kepada pelajar kami dalam mendepani cabaran disektor industri pembinaan.

Program My Sweet Campus

Siri 2 JD2024



BULETIN KKTMSG

PENGENALAN

Program My Sweet Campus Siri 2 JD2024 kembali dengan lebih banyak aktiviti menarik dan bermakna! Program ini dirangka khas untuk mengeratkan hubungan komuniti kampus, mencipta kenangan indah, serta menyemai nilai-nilai positif dalam kalangan pelajar dan staf. Dengan pelbagai pengisian interaktif, My Sweet Campus Siri 2 adalah platform terbaik untuk mewujudkan persekitaran kampus yang harmoni dan penuh inspirasi.



Objektif Program

1. Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan mewujudkan suasana kampus yang kondusif dan menyenangkan.
2. Mengeratkan hubungan antara pelajar, pensyarah, dan staf melalui aktiviti yang membina.
3. Menyemai nilai kemasyarakatan, kerjasama, dan rasa tanggungjawab terhadap komuniti kampus.





AKTIVITI YANG DIJALANKAN

1. Mengecat Astaka.
2. Mengantikan cistern tandas.
3. Mengecat dinding aras C1.
4. Membuat ampaian blok E.
5. Mengecat line gelanggang asrama lelaki.
6. Mengutip sampah sekitar asrama dan kuarters.
7. Menggantikan lampu rosak di blok E.
8. Mengemas dan menceriakan kawasan IBS.



"Semangat gotong royong membangun generasi unggul."

Terima kasih untuk semua warga serta pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan program murni ini. Semoga program-program sebegini akan diteruskan dari masa ke semasa untuk keselesaan semua penghuni asrama..!

Syabas semua..



KKTM SRI GADING CEMERLANG DALAM PENGURUSAN PRS

RAIH ANUGERAH INSTITUSI PENDIDIKAN MARA



Sri Gading, 2 Oktober 2024 – Unit Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading mencatat sejarah membanggakan apabila dianugerahkan Anugerah Pengurusan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) IPMA 2024.

Pengiktirafan ini diterima sempena Sambutan Bulan Kaunseling MARA 2024, sekali gus mengukuhkan peranan Unit Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling KKTMSG dalam membimbing dan menyokong pelajar melalui program kaunseling yang cemerlang.





Penghargaan ini adalah hasil usaha bersepadau antara kaunselor, pelajar PRS dan pihak pengurusan KKTMSG dalam memastikan aktiviti PRS dijalankan dengan sistematis, inovatif dan memberi impak tinggi kepada komuniti kampus.

Menurut kenyataan daripada Pn Jaleha binti Kasan selaku Kaunselor KKTMB Sri Gading, anugerah ini merupakan satu pengiktirafan terhadap dedikasi mereka dalam membentuk pelajar yang memiliki daya kepimpinan tinggi serta kesedaran sosial.

"Kejayaan ini bukan sahaja milik Unit Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling semata-mata, tetapi juga seluruh warga KKTMB Sri Gading. Ia menjadi pemangkin untuk kami terus melaksanakan inisiatif kaunseling yang inovatif dan relevan dengan keperluan semasa," katanya.

Program PRS di KKTMSG telah lama dikenali dengan pendekatan kreatifnya, seperti Sesi Bimbingan Kelompok Bertema, Aktiviti Luar Kampus Berstruktur dan Karnival Kesedaran Mental. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan memperkasakan pelajar untuk menjadi pemimpin rakan sebaya yang proaktif dan berkesan dalam menyokong sesama mereka.

Anugerah ini sekali lagi membuktikan bahawa KKTMB Sri Gading bukan sahaja unggul dalam bidang teknikal, tetapi juga cemerlang dalam pembangunan sahsiah pelajar. Tahniah diucapkan kepada Unit Kaunseling KKTMB Sri Gading atas pencapaian ini, yang menjadi inspirasi kepada institusi lain untuk terus komited dalam usaha melahirkan generasi pelajar yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah. Semoga anugerah ini menjadi titik tolak kepada lebih banyak kejayaan di masa hadapan!



Bengkel GREENMETRIC GIATMARA Pasir Gudang: KKTMSG Sri Gading Kongsi Kepakaran Bangunan Hijau

Pasir Gudang, Johor, 2 Oktober 2024 – Barisan pakar dari KKTMSG Sri Gading telah memainkan peranan penting dalam Bengkel Pembangunan Dokumentasi UI GreenMetric 2024 yang berlangsung di Pusat GIATMARA Pasir Gudang. Perkongsian kepakaran oleh tenaga pengajar dari KKTMSG memberikan panduan strategik kepada peserta bengkel dalam usaha merealisasikan matlamat pembangunan lestari. Bengkel ini menampilkan 3 pakar hebat antaranya ialah:



Ts. Mohd Mawardi bin Hussain, yang mengetengahkan strategi pembangunan hijau institusi.



En. Abd Halimnizam bin Hj Abdullah, Timbalan Ketua Jabatan Bangunan Hijau, berkongsi pendekatan teknikal dan inovatif untuk penilaian bangunan hijau.



Ir. Hj Mohd Hanif bin Didi dan En. Mohd Shahrul Azwan bin Ramli, Pengurus Tenaga, memberikan bimbingan tentang pengurusan tenaga yang efektif dan lestari.

**BENGKEL PEMBANGUNAN
DOKUMENTASI
UI GREEN METRIC**

2 OCTOBER, 2024
10:00AM - 4:00PM

GIATMARA PASIR GUDANG

Penceramah:
Ts. Mohd Mawardi Bin Hussain

Menurut Ts. Mohd Mawardi, "Kami di KKTMSG komited untuk menyokong institusi lain dalam memahami dan menerapkan prinsip UI GreenMetric. Ia bukan sekadar dokumentasi, tetapi satu budaya kelestarian."

Sesi ini memberikan tumpuan kepada aspek teknikal penyediaan dokumentasi, penilaian kecekapan tenaga, dan strategi pelaksanaan konsep hijau yang sesuai dengan piawaian antarabangsa. Perkongsian pengalaman dan pandangan kritikal oleh KKTMSG membuka jalan untuk Pusat GIATMARA Pasir Gudang memperkuuh usaha mereka dalam agenda kelestarian.

Kerjasama ini menandakan satu usaha bersepadu antara dua institusi untuk mempromosikan kesedaran hijau, sekaligus membawa Pusat GIATMARA Pasir Gudang ke hadapan sebagai peneraju kampus hijau di Malaysia.

KKTM SRI GADING

CAR - FREE DAY



Pada 1 Oktober 2024, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Sri Gading telah menganjurkan kempen KKTM Sri Gading Car Free Day bertempat di sekitar KKTM Sri Gading dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Kempen sehari ini dianjurkan oleh Biro Mobiliti Hijau di bawah Jawatankuasa Teknologi Hijau dan Alam Sekitar KKTM Sri Gading.

**KKTM SRI GADING
LAKSANAKAN KEMPEN
CAR FREE DAY UNTUK
PUPUK KESEDARAN
ALAM SEKITAR**

Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar, mengurangkan pencemaran udara dengan mengehadkan penggunaan kenderaan bermotor, serta mempromosikan gaya hidup sihat melalui aktiviti berjalan kaki dan berbasikal. Selain itu, ia juga bertujuan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan komuniti kampus.

Pihak pengajur mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan komitmen semua pihak yang telah menjayakan kempen ini. Diharapkan kempen seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk meningkatkan kesedaran tentang penjagaan alam sekitar serta mengukuhkan semangat kekeluargaan dalam komuniti KKTM Sri Gading.





PROGRAM PENJELAJAHAN LASAK ARPRM KKT M SRI GADING



CAMP SITE PULAU MAWAR, MERSING, JOHOR

Mersing, 5 Oktober 2024 – Program Penjelajahan Lasak ARPRM KKT M Sri Gading Peringkat Perak, dengan kerjasama Kelab Kembara KKT M Sri Gading, telah berjaya dilaksanakan di Pulau Mawar, Mersing, Johor, selama tiga hari dua malam.

Program yang berlangsung dari 3 hingga 5 Oktober ini bertujuan memupuk semangat kerjasama, kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar, serta meningkatkan ketahanan mental dan fizikal.

Selama tiga hari dua malam, peserta program telah menyertai pelbagai aktiviti menarik dan mencabar yang dirancang dengan teliti. Antara aktiviti tersebut adalah:

- Perkhemahan- Peserta berpeluang menikmati pengalaman unik bermalam di tengah keindahan semula jadi Pulau Mawar, yang dikelilingi suasana yang damai dan menenangkan.
- Plogging – Gabungan aktiviti berlari dan mengutip sampah di pesisir pantai. Aktiviti ini bukan sahaja menyumbang kepada kebersihan alam sekitar, malah memupuk kesedaran tentang pentingnya menjaga kelestarian alam.
- Pendakian Gunung Arong – Aktiviti ini menguji ketahanan fizikal dan mental peserta, di samping menghadiahkan mereka dengan pemandangan memukau dari puncak yang menjadi kenangan manis sepanjang program.



Pulau Mawar terbukti menjadi lokasi ideal untuk program ini, dan ia berjaya mencapai objektif sebagai platform pembentukan sahsiah diri dan semangat kekitaan dalam kalangan peserta.

Setiap aktiviti yang dilaksanakan berjaya memberi pengalaman bermakna serta memperkuuhkan kesedaran peserta terhadap nilai kerjasama, kebersihan, dan penghargaan kepada alam sekitar.



“
WORLD CLEAN UP
DAY 2024

KEJOHANAN BOLA JARING

19 Oktober 2024 | Edisi Sept-Okt



JEMPUTAN MEREBUT PIALA YB ONN PARLIMEN BATU PAHAT

Kejohanan ini dianjurkan oleh Parlimen Batu Pahat dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Daerah Batu Pahat dimana penyertaan bagi pertandingan ini melibatkan pelbagai kaum dan komuniti setempat di kawasan daerah Batu Pahat.

KKTM Sri Gading tidak melepaskan peluang dan turut menghantar wakil di kalangan pelajar serta staf untuk turut serta di dalam kejohanan ini bersama-sama dengan 11 pasukan yang lain dari sekitar Batu Pahat.

Walaupun tewas, pujian harus diberikan kepada wakil KKTMSG yang telah menunjukkan semangat berpasukan dan juang yang tinggi di sepanjang perlawanan. Terima kasih diucapkan kepada wakil KKTMSG.

OBJEKTIF PROGRAM



Objektif utama program ini dilaksanakan adalah bagi memberi peluang kepada pelajar KKTMSG menunjukkan bakat dalam sukan bola jaring dan memberi pendedahan suasana pertandingan sebenar kepada peserta.

Program Aktiviti Menarik di KKTM Sri Gading Berjaya Tingkatkan Semangat Peserta

KKTM Sri Gading telah menganjurkan beberapa aktiviti menarik sebagai platform untuk memupuk semangat kerjasama, ketahanan fizikal, dan kesedaran dalam kalangan peserta. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuk:

1. Eksplorasi TVET - Pengenalan kepada bidang TVET melalui sesi praktikal dan lawatan ke makmal teknikal, memberikan pendedahan kepada teknologi dan inovasi dalam bidang tersebut.
2. Jelajah Kampus - Lawatan menyeluruh ke sekitar kampus KKTM Sri Gading untuk mengenali fasiliti moden dan program pembelajaran berkualiti yang ditawarkan.
3. Berkayak - Aktiviti luar yang memupuk semangat kerjasama, keberanian dan ketahanan fizikal peserta sambil menikmati pengalaman berkayak di alam semula jadi.

Melalui program ini, para peserta bukan sahaja dapat menjalani aktiviti yang mencabar tetapi juga membina pengalaman dan kemahiran yang berguna untuk masa depan mereka.



KKTM SRI GADING

10 Oktober 2024



PROGRAM JAKOA PANTAS KKTM SRI GADING 2024 (PERINGKAT PERAK)

Kerjasama KKTM Sri Gading, JAKOA Negeri Johor dan KKDW

Program JAKOA Pantas KKTM Sri Gading 2024 peringkat Perak berlangsung dengan cemerlang selama tiga hari dua malam di KKTM Sri Gading. Program ini merupakan inisiatif bersama antara KKTM Sri Gading, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Johor, dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Program ini menyasarkan anak-anak Orang Asli dari SMK Nitar dan SMK Ungku Husin, Johor dengan penyertaan khas pelajar KKTM Sri Gading. Tujuan utama program adalah memperkasakan komuniti Orang Asli dengan ilmu pengetahuan, pengalaman dalam bidang TVET (Teknologi, Vokasional, dan Pendidikan Teknikal), serta membina daya tahan dan semangat perpaduan.

Program ini menjadi platform signifikan dalam memberikan pendedahan kepada generasi muda Orang Asli mengenai potensi dan peluang yang ada dalam bidang pendidikan teknikal. Ia juga mengeratkan hubungan antara pelajar KKTM Sri Gading dan komuniti Orang Asli melalui kerjasama dan pengalaman bersama sepanjang program.

Syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Program JAKOA Pantas KKTM Sri Gading 2024.

17 OKTOBER 2024

IKM SEBERANG PERAI UTARA TERIMA PERKHIDMATAN KONSULTANSI PEMBANGUNAN DOKUMENTASI UI GREENMETRIC 2024

Seberang Perai Utara, 17 Oktober 2024 – Institut Kemahiran MARA (IKM) Seberang Perai Utara (IKM SPU), baru-baru ini telah melaksanakan Bengkel Perkhidmatan Konsultansi Pembangunan Dokumentasi UI GreenMetric 2024, yang bertujuan memberi panduan dan dorongan dalam dokumentasi aktiviti dan penilaian kendiri bagi tujuan pelaporan UI GreenMetric kali pertama pada tahun 2024. Bengkel ini dijalankan secara dalam talian melalui Microsoft Teams, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Bengkel ini dikendalikan oleh tenaga pakar dari KKTM Sri Gading, yang terdiri daripada Ts. Mohd Mawardi bin Hussain, Ts. Mohamad Wazir Syafix bin Osman, serta beberapa ahli pasukan seperti Pengurus Tenaga, Ir. Hj. Mohd Hanif bin Didi, En. Mohd Shahrul Azwan bin Ramli, En. Mohamad Norfekry bin Md Yakob, dan En. Sahril bin Ab Lah. Penceramah-penceramah ini berkongsi kepakaran mereka dalam bidang bangunan hijau dan tenaga lestari, membantu staf IKM SPU untuk memahami dan melaksanakan dokumentasi serta penilaian ke arah penyertaan dalam UI GreenMetric 2024.

Bengkel dan konsultansi ini diadakan sebagai langkah proaktif dalam menyahut cabaran penghijauan kampus TVET di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) serta MARA. Dengan kerjasama erat antara KKTM Sri Gading dan IKM SPU, bengkel ini bertujuan memberi pendedahan serta bimbingan kepada staf-staf IKM SPU dalam menyusun dokumentasi aktiviti kelestarian yang diperlukan untuk mencapai penilaian UI GreenMetric. Ini sekaligus membolehkan IKM SPU menyertai inisiatif global ini dan berpotensi untuk tersenarai dalam ranking kampus hijau dunia di bawah UNESCO.

CADANGAN
PENARAFAN HIJAU KAMPUS
UI GREENMETRIC WORLD
UNIVERSITY RANKING 2024
UNTUK PUSAT IKM SPU



Ir. Ts. Hizal bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik IKM Seberang Perai Utara, turut memimpin bengkel ini dengan sokongan daripada Jawatankuasa Green Campus IKM SPU. Beliau menyatakan rasa terima kasih kepada pihak KKTM Sri Gading yang telah memberi peluang kepada staf IKM SPU untuk menerima bimbingan berharga ini.

Program ini juga bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan staf dan pelajar IKM SPU mengenai kepentingan kelestarian kampus dalam konteks TVET MARA@KKDW. Dengan kerjasama ini, diharapkan IKM SPU dan kampus-kampus TVET MARA yang lain dapat melaksanakan program kelestarian dengan lebih efektif, sekaligus menempatkan nama mereka dalam senarai rangking kampus hijau dunia, sekali gus menyokong visi MARA dalam memartabatkan pendidikan teknikal dan vokasional yang berorientasikan pembangunan mampan.

Dengan terlaksananya bengkel ini, diharapkan usaha-usaha untuk menjadikan IKM SPU sebagai salah satu kampus hijau di Malaysia dan dunia akan terus berkembang. UI GreenMetric 2024 merupakan langkah pertama yang penting bagi IKM SPU dalam memperkuuhkan komitmen mereka terhadap kelestarian alam sekitar, menyediakan persekitaran yang lebih sihat dan menyokong pembangunan mampan di kampus.

Terima kasih diucapkan kepada IKM SPU atas peluang yang diberikan kepada KKTM Sri Gading untuk berkolaborasi dalam menjayakan misi ini, demi masa depan yang lebih hijau dan lestari.



DELEGASI KKTMSG HADIR KE 15TH IGEM DI KLCC



MENINGKATKAN JALINAN KERJASAMA DALAM TEKNOLOGI HIJAU

Kuala Lumpur, 10 Oktober 2024 – Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading (KKTMSG) telah menghantar delegasi ke 15th International Green and Eco Product Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Pihak KKTMSG menerima jemputan rasmi daripada Malaysia Greentech and Climate Change Corporation (MGTC), penganjur utama acara tersebut untuk menghadiri majlis perasmian persidangan yang bertemakan teknologi hijau dan kelestarian alam sekitar.

Upacara perasmian IGEM 2024 telah disempurnakan oleh YB Rafizi bin Ramli, Menteri Ekonomi Malaysia yang turut dihadiri oleh YB Nik Nazmi, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Kedua-dua pemimpin ini menekankan pentingnya inisiatif teknologi hijau dalam menghadapi cabaran perubahan iklim global dan mempromosikan kelestarian alam sekitar di Malaysia.

Delegasi KKTMSG terdiri daripada Tn. Hj. Azman bin Ali, Pengarah KKTMR Sri Gading, bersama En. Abd Halimnizam bin Hj. Abdullah, Timbalan Ketua Program Jabatan Bangunan Hijau (DTE), serta pensyarah Jabatan Bangunan Hijau, Ts. Mohd Mawardi bin Hussain. Mereka berpeluang untuk menghadiri pelbagai sesi persidangan dan pameran berkaitan dengan teknologi hijau, industri tenaga diperbaharui dan pembangunan mampan.

Di sepanjang persidangan, delegasi KKTMSG mengambil peluang untuk mengadakan perbincangan dan libat urus dengan pelbagai pihak yang terlibat dalam industri ini. Pertemuan ini diharapkan dapat membuka jalan bagi kerjasama jangka panjang dalam memajukan teknologi hijau di KKTMR Sri Gading dan dalam program pendidikan teknikal di bawah MARA.

Delegasi KKTMSG berharap pertemuan dan perbincangan ini dapat memberi manfaat jangka panjang, bukan sahaja dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman, tetapi juga memperkuatkkan hubungan strategik antara KKTMSG dengan pemain industri teknologi hijau. Dengan inisiatif ini, KKTMSG berhasrat untuk menerapkan praktik hijau dan kelestarian dalam program pendidikan dan operasi mereka, sejajar dengan agenda MARA dalam menyokong TVET yang lebih mampan.

Semoga jalinan kerjasama ini akan memperkuuh lagi peranan KKTMR Sri Gading dalam memajukan industri hijau dan tenaga boleh diperbaharui, selain membantu dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang kepentingan pembangunan mampan dalam pendidikan teknikal dan vokasional.

SG VENOM RC TAMPIL CEMERLANG DALAM PERLAWANAN PERSAHABATAN 4 PENJURU



Melaka, 19 Oktober 2024 – Pasukan SG Venom RC dari KKT M Sri Gading baru-baru ini mencuri perhatian dalam Perlawanan Persahabatan Ragbi 4 Penjuru yang diadakan di KKT Masjid Tanah, Melaka. Pertandingan yang melibatkan KKT Masjid Tanah (MASTA Wolves RC), Multimedia University (Hornbill RC) dan SMS Muzaffar Syah (MOZAC RC) ini menjadi platform untuk menguji ketangkasan dan strategi pasukan ragbi terkemuka ini dalam suasana persahabatan yang penuh semangat.

PERSAINGAN SENGIT, SEMANGAT TIDAK PERNAH LUNTUR

Pasukan SG Venom RC, yang diwakili oleh barisan pemain berwibawa, mempamerkan semangat juang yang tinggi sepanjang perlawanan. Dalam pertandingan yang berlangsung penuh sengit ini, pasukan KKT M Sri Gading tidak hanya berusaha mengasah kemahiran mereka, tetapi juga menjadikan perlawanan ini sebagai batu loncatan untuk mempertingkatkan lagi kehebatan pasukan dalam persaingan ragbi yang lebih kompetitif pada masa depan.

SATU LANGKAH MAJU UNTUK PASUKAN RAGBI KKT M SRI GADING

Perlawanan persahabatan ini menjadi medan penting untuk menguji kekuatan dan kelemahan pasukan SG Venom RC. Melalui interaksi dan pertukaran strategi dengan pasukan-pasukan berpengalaman seperti MASTA Wolves RC, Hornbill RC, dan MOZAC RC, ahli-ahli pasukan KKT M Sri Gading dapat memperoleh pengalaman yang amat berharga, yang pastinya akan memperkuatkan lagi prestasi mereka dalam pertandingan-pertandingan akan datang.

MENINGKATKAN KEPAKARAN DAN SEMANGAT BERPASUKAN

Dengan adanya perlawanan ini, pasukan SG Venom RC bukan sahaja dapat meningkatkan kepakaran individu pemain, tetapi juga memperkuatkan lagi semangat berpasukan yang sangat penting dalam sukan ragbi. "Perlawanan persahabatan ini sangat bermakna bagi kami. Ia memberi peluang untuk lebih memahami kekuatan dan kelemahan pasukan lain, serta memperbaiki strategi kami ke arah menjadi pasukan yang lebih berdaya saing," kata En. Abd. Halimnizam, Ketua Pasukan SG Venom RC.

TERIMA KASIH KEPADA PENGANJUR & KE ARAH KEJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG

Pasukan SG Venom RC mengucapkan terima kasih kepada KKT Masjid Tanah kerana menjemput mereka untuk turut serta dalam perlawanan persahabatan ini, yang bukan sahaja memperkuatkan hubungan antara institusi pendidikan, tetapi juga menyediakan platform bagi pemain-pemain muda untuk mengasah kemahiran ragbi mereka. Dengan berakhirnya perlawanan persahabatan ini, pasukan SG Venom RC kembali dengan semangat baru, tekad untuk terus maju dan mengharumkan nama KKT M Sri Gading dalam dunia sukan ragbi. Kejayaan ini menjadi motivasi besar untuk mempertingkatkan lagi prestasi pasukan dalam kejohanan ragbi akan datang. Pasukan ini terus berusaha mencapai kecemerlangan, seiring dengan visi KKT M Sri Gading untuk melahirkan atlet yang berkaliber tinggi.

Pasukan SG Venom RC kini bersedia untuk menghadapi lebih banyak cabaran, dan dengan semangat serta usaha yang tidak mengenal lelah, mereka pasti akan terus mencipta kejayaan demi kejayaan!



KKTG SRI GADING MERIAHKAN BOOTH PAMERAN DI BUILDXPO MALAYSIA 2024

Kuala Lumpur, 22-24 Oktober 2024 – KKTG Sri Gading telah mengambil bahagian dengan penuh bangga dalam BuildXPO Malaysia 2024 yang berlangsung di MITEC, Kuala Lumpur pada 22 hingga 24 Oktober 2024. Pameran ini merupakan sebahagian daripada Malaysia International Building and Construction Industry Showcase di mana KKTG Sri Gading diberi penghormatan untuk mewakili Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam acara bertaraf antarabangsa ini.

Pihak Bahagian Pembangunan Usahawan MARA yang telah memilih KKTG Sri Gading sebagai wakil dalam program ini turut diucapkan terima kasih. Selain itu, YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, serta Pn Nor Uyon binti Shoib, Pengarah Bahagian Usahawan MARA, turut mengunjungi booth KKTG Sri Gading dan memberi sokongan penuh terhadap pameran tersebut. Kehadiran mereka memberi semangat dan pengiktirafan terhadap usaha KKTG Sri Gading dalam mempromosikan pendidikan teknikal dalam industri pembinaan.

Booth KKTG Sri Gading di BuildXPO Malaysia 2024 menjadi platform utama untuk berkongsi pelbagai program pendidikan teknikal yang ditawarkan oleh KKTG Sri Gading dalam bidang pembinaan. Para pensyarah yang terlibat dalam pameran ini berkesempatan memperkenalkan kursus-kursus seperti Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan Bangunan Hijau, dan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) yang relevan dengan keperluan industri pembinaan yang sedang berkembang pesat di Malaysia.

Selain itu, pameran ini memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan pendedahan langsung tentang teknologi industri pembinaan terkini serta kemajuan yang sedang berlaku di peringkat global. Teknologi seperti BIM dan sistem automasi dalam pembinaan diperkenalkan sebagai elemen penting dalam perkembangan industri pembinaan masa depan.

Pameran ini turut memberi impak besar kepada para pelajar yang mengikuti program-program pendidikan di KKTG Sri Gading. Ia membuka peluang bagi mereka untuk melihat secara langsung bagaimana ilmu yang dipelajari dapat diterjemahkan dalam dunia industri sebenar. Para pelajar juga berpeluang untuk berinteraksi dengan pemain utama dalam industri pembinaan dan mendapatkan pandangan serta nasihat berguna bagi memajukan kerjaya mereka.

"Penyertaan dalam BuildXPO Malaysia 2024 memberikan pengalaman yang sangat berharga kepada kami sebagai pendidik. Kami bukan sahaja dapat memperkenalkan program pendidikan KKTG Sri Gading, tetapi juga mendalami teknologi pembinaan terkini yang pasti akan memberi manfaat kepada pelajar kami di masa depan," kata salah seorang pensyarah yang terlibat dalam pameran tersebut.

Dengan penyertaan di acara berprestij ini, KKTG Sri Gading bukan sahaja mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi pendidikan terkemuka dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Pembinaan, tetapi juga meningkatkan lagi kerjasama antara sektor pendidikan dan industri pembinaan. Usaha ini selaras dengan komitmen KKTG Sri Gading untuk menyediakan graduan yang berkemahiran tinggi dan siap untuk menghadapi cabaran industri.

Secara keseluruhan, BuildXPO Malaysia 2024 memberikan peluang yang sangat bernilai dalam membina hubungan yang lebih kukuh antara dunia pendidikan dan industri pembinaan, serta memajukan teknologi pembinaan di peringkat antarabangsa.

>>> KKT M SRI GADING

LATIHAN KEBAKARAN DAN TAKLIMAT KESELAMATAN

MENINGKATKAN KESIAPSIAGAAN WARGA INSTITUSI



>>> Sri Gading, 22 Oktober 2024 – KKT M SRI GADING baru-baru ini telah melaksanakan program Latihan Kebakaran (Fire Drill) dan Taklimat Keselamatan, yang bertujuan untuk memperkuatkkan pemahaman dan meningkatkan kesiapsiagaan warga institusi dalam menghadapi situasi kecemasan.

Program ini diadakan pada 22 Oktober 2024, bertempat di Astaka KKT M SRI GADING pada jam 9.30 malam, dan melibatkan penyertaan aktif daripada para pelajar serta kerjasama profesional dari pihak Bomba Ayer Hitam.

>>> Ketua Unit MERT (Majlis Emergency Response Team), En. Abd. Halimnizam yang mengetuai program ini, menjelaskan bahawa latihan kebakaran dan taklimat keselamatan adalah salah satu langkah proaktif untuk memastikan semua warga KKT M SRI GADING memahami prosedur keselamatan yang betul dalam situasi kecemasan.

"Latihan ini penting dalam memastikan kita semua bersedia dengan langkah-langkah yang perlu diambil apabila berhadapan dengan insiden kebakaran atau kecemasan lain. Dengan melibatkan pelajar dan kakitangan dalam latihan ini, kita dapat memperkuatkkan ketahanan dan kesediaan kita," katanya.



>>> Program ini dimulakan dengan taklimat keselamatan yang disampaikan oleh pegawai dari Bomba Ayer Hitam, diikuti dengan latihan kebakaran yang melibatkan semua peserta.

Para pelajar dan kakitangan diajar teknik-teknik penting seperti cara menggunakan alat pemadam api dan cara bergerak dengan selamat dalam situasi kebakaran.

Latihan ini bertujuan untuk memberi pengalaman praktikal kepada peserta dalam menangani kecemasan yang mungkin berlaku. Pihak Bomba Ayer Hitam turut memberikan penjelasan tentang tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa, dan selepas kebakaran. Mereka juga menekankan kepentingan sistem amaran dan cara berkomunikasi dalam keadaan darurat.

>>> Program ini merupakan satu langkah penting dalam memastikan keselamatan semua warga KKT M SRI GADING. Latihan kebakaran dan taklimat keselamatan bukan sahaja memupuk kesedaran tentang pentingnya keselamatan, tetapi juga memberi peluang kepada semua pihak untuk menguji prosedur keselamatan dalam suasana yang terkawal dan selamat.

Keseluruhan program berlangsung dengan lancar dan mencapai objektifnya. Para pelajar dan kakitangan menunjukkan komitmen yang tinggi dan mengambil serius setiap sesi yang dijalankan. "Inisiatif seperti ini sangat penting untuk mempersiapkan kami dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Ia memberi keyakinan bahawa kita tahu apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini," kata salah seorang pelajar yang turut serta.

Dengan berakhirnya program ini, diharapkan seluruh warga KKT M SRI GADING akan lebih peka terhadap keselamatan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang kecemasan. Inisiatif ini juga mengukuhkan komitmen KKT M SRI GADING untuk memastikan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi semua.



WORLD YOUTH INVENTION AND INNOVATION AWARD (WYIIA) INDONESIA



Tahniah PINGAT EMAS

WORLD YOUTH INVENTION AND INNOVATION AWARD (WYIIA), INDONESIA



HDD TWIN POWER PACK

Ir Hj Mohd Hanif Bin Didi (Penyelia)
Alieya Maisarah Binti Zainal Hisham
Nurul Syazana Binti Mohamad Rosli
Nur Zawanah Binti Khairul Azhar

JABATAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBINAAN (BANGUNAN HIJAU)

Congratulations

DUA PINGAT, SATU KEBANGGAAN: KKTMSRI GADING UNGGUL DI WYIIA 2024

Sri Gading, 7 Oktober 2024 – Warga KKTMSRI GADING sekali lagi melakar kejayaan di peringkat antarabangsa apabila dua kumpulan pelajar mereka berjaya membawa pulang pingat emas dan perak dalam pertandingan World Youth Invention and Innovation Award (WYIIA) yang berlangsung di Indonesia.

Kumpulan pertama, yang terdiri daripada pelajar Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Bangunan Hijau), mencuri perhatian dengan inovasi bertajuk HDD TWIN POWER PACK dan berjaya meraih pingat emas. Projek mereka diselia oleh Ir. Hj. Mohd Hanif bin Didi bersama tiga pelajar cemerlang, iaitu Alieya Maisarah binti Zainal Hisham, Nurul Syazana binti Mohamad Rosli dan Nur Zawanah binti Khairul Azhar.

Kumpulan kedua pula, yang dianggotai oleh pelajar Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan), mempersembahkan projek inovatif bertajuk Virtual Room Planner (VRP): A Web-Based Room Layout Planner with VR Support, dan berjaya memperoleh pingat perak. Mereka dibimbing oleh Puan Izzati binti Yahya dengan keanggotaan empat pelajar berbakat iaitu Muhammad Nashrul bin Zulkifli, Muhammad Aminul Shafiq bin Razali, Fatin Nur Arisha binti Yamidi dan Nuralia Athirah binti Karjo.

Keputusan ini mengukuhkan lagi reputasi KKTMSRI GADING sebagai institusi yang melahirkan inovator bertaraf dunia. Tahniah diucapkan kepada kedua-dua kumpulan atas pencapaian membanggakan ini. Semoga lebih banyak kejayaan dilakar di masa hadapan!

DTM IVORY PODCAST:

“CAREER COMPASS: FROM PASSION TO PROFESSION”



Sri Gading, 13 Oktober 2024 – Jabatan Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan KKTm Sri Gading, telah menganjurkan program DTM IVORY Podcast bertajuk *Career Compass: From Passion to Profession*. Program ini bertujuan memberikan panduan dan inspirasi kepada pelajar dalam membina kerjaya melalui perkongsian bersama panel industri dan alumni yang berjaya.

Podcast ini telah berlangsung secara langsung pada 13 Oktober 2024 jam 2.30 petang di platform Facebook Live KKTm Sri Gading. Program ini menampilkan beberapa panel hebat, termasuk Mohd Syakur Bin Mohd Pilus, BIM Engineer dan Yang Elyana Azlyza Binti Razak, Environmental Executive, yang berkongsi pengalaman serta cabaran dalam bidang masing-masing.

Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran moderator berpengalaman dan barisan pengacara muda, Zulkhairie dan Iman Hazim, yang berjaya menghidupkan suasana dan memastikan kelancaran sesi. Program ini juga menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dengan fokus kepada pendidikan berkualiti, pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi.

Sesi interaktif ini bukan sahaja mendapat sambutan hangat daripada pelajar tetapi turut menarik perhatian orang ramai. Program ini membuktikan keberkesanan pendekatan inovatif dalam mendekati pelajar serta mempersiapkan mereka untuk masa depan. Inisiatif seperti ini mencerminkan usaha KKTm Sri Gading dalam mempersiapkan graduan berdaya saing yang bukan sahaja memiliki ilmu teknikal tetapi juga keyakinan untuk menceburi alam pekerjaan.